

◉ KULIAH

+ Pengalaman Kreatif Kemala

Siri Kuliah Pengalaman Kreatif Sasterawan Negara (SN), Datuk Dr Ahmad Kamal Abdullah akan diadakan di Bilik Seri Amar, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, pada 20 September ini, jam 10 pagi.

Dr Ahmad Kamal atau lebih dikenali sebagai Kemala bakal menyampaikan syarahan Zaman Awal dan Bibit-bibit-Kepengarangan di Sekolah Rendah.

Masuk adalah percuma, manakala maklumat lanjut hubungi Erna di talian 03-89468705.